

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

SOALAN :

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tapak lokasi dan status pelaksanaan projek perumahan PR1MA di Pulau Pinang. Nyatakan juga dengan terperinci jumlah unit, harga, keluasan, tarikh mula dan tamat projek. Adakah permohonan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 21,301 unit rumah untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Jumlah ini adalah melebihi jumlah yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2012 iaitu untuk membina 20,000 unit rumah murah dan mampu milik di negeri Pulau Pinang. Jumlah ini juga dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA diadakan.

Dalam melaksanakan pembinaannya, PR1MA telah mengenal pasti lokasi strategik dan bersesuaian untuk rumah PR1MA di Pulau Pinang. Sebagai permulaan sehingga hari ini, enam (6) lokasi yang bersesuaian telah dikenal pasti antaranya di sekitar kawasan Bukit Gelugor, Balik Pulau, Nibong Tebal dan Kepala Batas.

Selain itu, PR1MA sedang rancak menjalankan usaha untuk mengenal pasti lokasi-lokasi lain yang sesuai untuk pembangunannya. PR1MA juga mengalu-alukan sebarang cadangan dari pihak Kerajaan Negeri serta pemaju swasta mahupun orang perseorangan yang mempunyai tanah-tanah di kawasan yang bersesuaian dan strategik untuk pembangunan PR1MA di Pulau Pinang. Sekiranya ada, PR1MA boleh mempertimbang dan mengkaji kesesuaiannya.

Perbincangan bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi projek-projek yang dirancang telah dimulakan dan sentiasa diadakan mengikut fasa projek. Sehingga kini, sebanyak 267 unit rumah PR1MA bagi sebuah projek pembangunannya telah diluluskan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pulau Pinang. Pada masa ini PR1MA juga sedang menyediakan permohonan Kebenaran Merancang bagi lima (5) projek lain dan akan memajukan permohonan tersebut kepada Kerajaan Negeri sewajarnya dalam tempoh terdekat mengikut peringkat perancangan projek. PR1MA bersedia dan terbuka bagi mengadakan rundingan dan perbincangan dari semasa ke semasa bersama Kerajaan Negeri dan PBT dalam memastikan pembangunan PR1MA menepati garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

SOALAN : 205

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan secara terperinci cadangan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dengan membina landasan kedua, kargo udara dan kemudahan MRO. Apakah cadangan-cadangan menghidupkan Lapangan Terbang Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai hasrat untuk membina landasan kedua di Pulau Pinang kerana landasan sedia ada boleh menampung sehingga 360 pergerakan pesawat sehari dan ini adalah mencukupi sehingga sekurang-kurangnya tahun 2020.

Berhubung dengan cadangan pembinaan kemudahan kargo udara di Pulau Pinang, Kementerian Pengangkutan telah menghantar permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk mendapatkan siling peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi membina kompleks kargo baru yang terletak di Batu Maung.

Bagi kemudahan *Maintenance, Repair And Overhaul* (MRO) di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan kemudahan tersebut pada masa ini.

Mengenai cadangan untuk menghidupkan Lapangan Terbang Melaka pula, Kementerian Pengangkutan telah meluluskan permohonan Subang Skypark untuk membangunkan semula Lapangan Terbang Melaka seperti mana Lapangan Terbang Subang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Melaka telah memutuskan agar cadangan ini ditangguhkan memandangkan ia mempunyai pelan induk Pembangunan Penerbangan Negeri Melaka.